



CARTA ALIR PENGIMPORTAN TEMUKUT SEBAGAI MAKANAN HAIWAN



SYARAT-SYARAT KHAS PENGIMPORTAN TEMUKUT SEBAGAI MAKANAN HAIWAN

- i. Permohonan perlu dibuat melalui portal Akta Makanan Haiwan 2009 (e-AMH) pada laman sesawang ini <http://eamh.dvs.gov.my/> berserta dokumen sokongan yang dinyatakan dalam portal.
- ii. Pengimportan temukut dibenarkan hanya bagi tujuan penghasilan makanan ternakan sahaja dan terbuka kepada pengimport yang terdiri daripada pengilang memproses makanan ternakan.
- iii. Temukut yang dibenarkan untuk diimport adalah terdiri dari **beras tidak bergred** yang isi beras hancur adalah kurang dari 2/10 purata panjang bijian penuh beras berukuran 7.35mm. **Ukuran saiz temukut** yang digunakan adalah **tidak melebihi daripada 1.47mm**.
- iv. **Komposisi** yang dibenarkan untuk pengimportan temukut bagi diproses sebagai makanan ternakan adalah **90% temukut berukuran tidak lebih dari 1.47mm** dan **10% beras hancur halus berukuran di antara 1.48mm hingga 3.68mm**.
- v. Pemegang lesen borong beras daripada KPB tidak dibenarkan untuk menjadi pengimport temukut. Pengesahan berkaitan pemegang lesen borong beras boleh dirujuk ke Unit Perlesenan, Cawangan Kawalselia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras, Putrajaya.
- vi. Pengimport hendaklah mempunyai **Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat dan Sijil Pendaftaran Penjual makanan haiwan** daripada Lembaga Makanan Haiwan, DVS.
- vii. Kemasukan temukut hanya dibenarkan melalui 4 pelabuhan sahaja iaitu Pulau Pinang, Port Klang, Pasir Gudang, dan Kuantan.
- viii. Bagi tujuan kawalan, pengimport hendaklah memohon permit pemindahan antara negeri daripada mana-mana Pejabat KPB berhampiran jika melibatkan pemindahan temukut antara negeri.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
Ministry of Agriculture and Agro-based Industry
Wisma Tani
No 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks: 603-8888 6020
Laman Web : www.moa.gov.my

Ruj. Kami : KP/BKPB(T) 03/193 Jl.D.5 ()
Tarikh : 27 November 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg Dato'/ Tuan/ Puan

GARIS PANDUAN SPESIFIKASI TEMUKUT BAGI TUJUAN PENGIMPORTAN UNTUK DIJADIKAN MAKANAN TERNAKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas. Surat Bahagian ini bil. KP/BKPB(T) 03/193 Jld. 5 (22) bertarikh 17 Februari 2017 seperti di lampiran adalah berkaitan.

2. Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pengimportan Temukut Bagi Tujuan Penghasilan Makanan Ternakan yang diadakan pada 26 Oktober 2018, bersama-sama ini disertakan Surat Berkaitan Syarat-Syarat Pegimportan Temukut Sebagai Makanan Ternakan dan Garis Panduan Spesifikasi Temukut Bagi Tujuan Pengimportan Untuk Dijadikan Makanan Ternakan untuk makluman dan tindakan pihak YBhg Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)

b.p. Ketua Pengarah
Kawalselia Padi Dan Beras
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

s.k.:

KPSU (KPB)
PP (KPB) P
PP (KPB) D
PP (KPB) L



moa
INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA



**OUR FOOD
OUR FUTURE**
Malaysia's Future Agri-Corporation

SENARAI EDARAN

Ketua Pengarah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No 3, Persiaran Perdana, Presint 2
62596 PUTRAJAYA

Pengarah
Kawalselia Padi dan Beras Cawangan Perak
No. 186, Taman Anda
Jalan Sultan Azlan Shah Utara
31400 IPOH

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Selangor
Blok B, IADA Barat Laut Selangor
Kompleks Pejabat IADA Barat Laut Selangor
45000 KUALA SELANGOR

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Kelantan
Lot 2052 & 2053, Jalan Dato' Lundang
15720 KOTA BHARU

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Kedah
No. 233 & 234, Jalan Shahab 2, Shahab Perdana
05150 ALOR SETAR

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Pulau Pinang
No. 10, Jalan Todak 5, Pusat Bandar Seberang Jaya
13700 PERAI

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Johor
No. 34, Jalan Garuda 1, Larkin
80350 JOHOR BAHRU

Ketua Cawangan
Pejabat Kawalselia Padi Beras Cawangan Tawau
Light Industri Building
Lot 17 TB 10406
Batu 2.75, Jalan Apas
91000 TAWAU

Ketua Cawangan
Pejabat Kawalselia Padi Beras Cawangan Sandakan
Lot 6, Blok 16, Aras Bawah, Bandar Indah Shophouse
Batu 4, Jalan Labu,W.D.T No. 599
SANDAKAN

Ketua Cawangan
Pejabat Kawalselia Padi Beras Cawangan Miri
Lot 2303, Taman Bulatan, Commercial Centre
Jalan Dato' MUIP
98000 MIRI

Ketua Cawangan
Pejabat Kawalselia Padi Beras Cawangan Sibu
No. 4C, Tingkat 1, Lot 1157, Blok 6
Sibu Town District, Jalan Hua Kiew
96000 SIBU

Ketua Cawangan
Pejabat Kawalselia Padi Beras Cawangan Temerloh
Lot 1208, Jalan Jerantut,
Kawasan Perindustrian Songsang,
28000 TEMERLOH

Ketua Cawangan
Pejabat Kawalselia Padi Beras Cawangan Kluang
No. 8, Jalan INTAN 2/1, Taman Intan
86000 KLUANG

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Terengganu
PT 2347K, Jalan Rajawali 5
Kawasan Perindustrian Chendering
21080 KUALA TERENGGANU

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Pahang
B24 Jalan IM 3/10
BIM POINT
25200 KUANTAN

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Sabah
Bangunan Pos Besar, Tingkat 5, Blok D
88827 KOTA KINABALU

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Sarawak
AG 101 & 1G 102, Blok G, Plot 14
Jalan Batu Kawah, Batu Kawah New Township
93250 KUCHING

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Perlis
No. 16, Jalan Sena Indah Satu
Taman Sena Indah
01000 KANGAR

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Sembilan
Tingkat 1, PT 2171, Jalan Seremban, Tampin, Batu 4 ½
70450 SENAWANG

Pengarah
Pejabat Kawalselia Padi Beras Negeri Melaka
G19, Blok Begonia, Saujana Puri, Bukit Katil
75450 MELAKA



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA)
BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS
ARAS 2, WISMA TANI, NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRECINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Tel.: 03-8870 1000

Faks: 03-8870 1761/8870 1718

E-mel: admin@moa.my

<<http://agrolink.moa.my>>

Ruj. Kami : KP/BKPB(T)03/193 Jld.5 (12)
Tarikh : 7 Februari 2017

Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian
Bahagian Biosecuriti Tumbuhan
Tingkat 1-3, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahudin
50632 KUALA LUMPUR
(u.p: Pn. Sabariah Binti Kamis)

Tel : 03 2030 1419
Faks : 03 2691 3550

Puan,

PENYELARASAN PENGIMPORTAN TEMUKUT BAGI TUJUAN PENGHASILAN MAKANAN TERNAKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas. Perbincangan di antara puan dan pegawai dari Bahagian ini pada 13 Januari 2017 adalah berkaitan.

2. Merujuk kepada keputusan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membuka semula pengimportan temukut bagi tujuan penghasilan makanan ternakan, satu Mesyuarat Penyelarasaran Pengimportan Temukut Bagi Tujuan Penghasilan Makanan Ternakan telah diadakan pada 10 Januari 2017 bersama jabatan-jabatan berkaitan bagi membincang dan melaksanakan keputusan ini.
3. Antara perkara yang telah dipersetujui bagi melaksanakan pengimportan ini ialah permohonan pengimportan temukut sebagai makanan ternakan hendaklah dibuat melalui pihak Jabatan Pertanian (DOA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Pihak Kawalselia



Padi Beras (KPB) akan memaklumkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengimport terlebih dahulu sebelum kelulusan Lesen Pengimport Makanan Haiwan, Sijil Pendaftaran Pengilang dan Import Permit dikeluarkan kepada pemohon.

4. Sehubungan itu, sebelum permohonan pengimportan diluluskan oleh pihak puan, pengimport temukut perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Pengimportan temukut dibenarkan hanya bagi tujuan penghasilan makanan temakan sahaja dan terbuka kepada pengimport yang terdiri daripada pengilang memproses makanan temakan.
- ii. Temukut yang dibenarkan untuk diimport adalah beras tidak bergred yang isi hancur beras adalah kurang daripada 2/10 purata panjang bijiannya.
- iii. Pemegang Lesen Borong Beras dari KPB tidak dibenarkan untuk menjadi pengimport temukut. Pengesahan berkaitan pemegang Lesen Borong Beras boleh dirujuk ke Unit Pelesenan, Cawangan Kawalselia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Aras 2, Wisma Tani.
- iv. Pengimport hendaklah mempunyai Lesen Import Makanan Ternakan dan Sijil Pendaftaran Pengilang dan Penjual dari DVS.
- v. Pengimport perlu membuat permohonan pengimportan kepada DOA serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan tersebut sebelum mendapat kelulusan untuk membawa masuk temukut.
- vi. Pengimport hendaklah mengemukakan sample temukut kepada DOA dan MAQIS sebelum temukut dibawa masuk untuk tujuan pengesahan.
- vii. Temukut yang dibawa masuk menggunakan Import Permit dari DOA akan melalui pemeriksaan oleh MAQIS di pintu masuk.

- viii. Kemasukan temukut hanya dibenarkan melalui 11 pelabuhan sahaja iaitu Pulau Pinang, Port Klang, Pasir Gudang, Kuantan, Kuching, Sibu, Bintulu, Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau.
- ix. Bagi tujuan kawalan, pengimport hendaklah memohon permit pemindahan antara negeri daripada mana-mana Pejabat KPB berhampiran jika melibatkan pemindahan temukut antara negeri.
- x. Pemantauan dan penguatkuasaan akan dijalankan secara bersepada di antara DVS, MAQIS dan KPB bagi memastikan tiada pelanggaran akta dilakukan oleh pengimport.

5. Dipanjangkan perkara ini untuk tindakan pihak puan. Kerjasama pihak puan dalam merealisasikan keputusan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkaitan pengimportan temukut bagi tujuan penghasilan makanan ternakan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SHAMSUDDIN BIN ISMAIL)
Ketua Pengarah
Pengawalan Padi Dan Beras
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

s.k.:

KSU
TKSU (P)

KP DVS] Dimajukan untuk tindakan pihak YBhg. Dato/Tuan
KP MAQIS]

PUU
TSUB (KPB)

GARIS PANDUAN SPESIFIKASI TEMUKUT BAGI TUJUAN PENGIMPORTAN UNTUK DIJADIKAN MAKANAN TERNAKAN

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Temukut adalah sebahagian daripada hasil sampingan pengisaran padi yang menghasilkan 60% beras, 28% sekam (*husk*), 8% dedak (*chip*), 3% beras hancur (*brokeen rice*) dan 1% temukut (*bran*). Temukut digunakan sebagai sebahagian campuran bahan makanan haiwan kerana ia tidak boleh diproses untuk dijadikan sebagai makanan manusia.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan bagi menyelaras dan memperkemaskan semula kelulusan pengimportan temukut memandangkan terdapat kelonggaran kemasukan temukut dari segi kualiti dan gred yang dibawa masuk bukan untuk makanan haiwan.
- 2.2 Justeru itu, spesifikasi temukut yang dibenarkan untuk dibawa masuk disediakan bagi kemudahan pegawai-pegawai terlibat untuk memberi kelulusan serta membuat pemantauan. Spesifikasi temukut yang disediakan adalah berdasarkan saiz beras Malaysia yang diukur berpandukan Standard ISO 7301:2011. Saiz beras ini adalah terpakai untuk ukuran temukut sahaja, manakala bagi beras bergred adalah tertakluk kepada Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) 1992.

3.0 SPESIFIKASI TEMUKUT

- 3.1 Setiap permohonan pengimportan temukut yang diluluskan hendaklah mengambil kira spesifikasi yang ditetapkan. Kemasukan temukut yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan mengikut akta yang berkaitan.
- 3.2 Temukut yang dibenarkan untuk diimport adalah terdiri dari **beras tidak bergred** yang isi beras hancur adalah kurang daripada **2/10 purata panjang bijian penuh beras berukuran 7.35mm**. Ukuran saiz temukut

yang digunakan adalah tidak melebihi daripada 1.47mm. Ilustrasi lengkap bijian beras adalah seperti di Lampiran I.

- 3.3 Komposisi yang dibenarkan untuk pengimportan temukut bagi diproses sebagai makanan ternakan adalah 90% temukut berukuran tidak lebih dari 1.47mm dan 10% beras hancur halus berukuran di antara 1.48mm hingga 3.68mm.

4.0 PENUTUP

- 4.1 Sehubungan itu, agensi yang meluluskan pengimportan temukut untuk penghasilan makanan ternakan hendaklah memastikan pengimport sentiasa mematuhi ukuran dan komposisi temukut yang ditetapkan seperti di perenggan 3.2 dan 3.3.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'


(SHAMSUDDIN BIN ISMAIL)
Ketua Pengarah
Pengawalan Padi dan Beras
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Tarikh: 23 November 2018

Lampiran 1

ILUSTRASI UKURAN BIJIAN BERAS

